



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENDUDUK TERTEKAN ANGKARA SERANGAN LALAT, NASIONAL, SH-22	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	LADANG TERNAKAN UNGGAS BEROPERASI TANPA LESEN SAH-EXCO, NASIONAL, SH-22	
3.	PERMINTAAN SANTAN KURANG 30 PERATUS, DALAM NEGERI, UM-9	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	RM1 BILION UNTUK INSENTIF PADI, NEGARA, KOSMO-7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	KERAJAAN SUDAH LULUS RM1 BILION UNTUK JELAPANG PADI KEDAH, NASIONAL, SH-4	
6.	PM CONFIRMS RM1B FUNDING TO BOOST KEDAH PADI PRODUCTION, NATION, NST-3	
7.	KERAJAAN SUDAH LULUS RM1B UNTUK TINGKAT PENGELUARAN PADI DI KEDAH, NASIONAL, BH-3	
8.	PUTRAJAYA SUDAH BERI RM1 BILION, KEDAH DAKWA 'HILANG' RM1.7 BILION, DALAM NEGERI, UM-1 & 3	
9.	PERSATUAN MAHU TINDAKAN TEGAS DIKENAKAN KEPADA PENJUAL 'PATIN KLON', NEGERI, SH-24	LAIN-LAIN
10.	SILVER STATE'S SWEET SUCCESS, EVENTS, STAR-9	
11.	KEDAH KAJI VARIETI BAHARU BANIH PADI TINGKAT HASIL, NASIONAL, BH-16	
12.	CARI VARIETI BENIH PADI DI LUAR NEGARA, LOKAL, HM-19	
13.	PERAK TIDAK BERI KELULUSAN BUKA LADANG BABI BAHARU, LOKAL, HM-19	
14.	SI BULUS PERLU VAKSIN- KUBELA, HM-33	
15.	REZEKI KAIS REMIS LUAR MUSIM, DALAM NEGERI, UM-29	
16.	RAIH RM16,500 SEBULAN HASIL TERNAK MADU KELULUT, DALAM NEGERI, UM-29	
17.	KERAJAAN PERAK NAFI LADANG BABI DEKAT SEBELAH MASJID, KAMPUNG, NASIONAL, SH-10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Impian mereka hanya untuk memulakan hidup baharu di rumah sendiri namun bertukar menjadi mimpi ngeri apabila kediaman yang baharu sahaja diduduki sejak setahun lalu dibelenggu serangan lalat luar biasa setiap hari.

Serangan itu dipercayai berpunca daripada dua buah reban unggas berhampiran, sekali gus menjadikan kehidupan mereka tidak ubah seperti tinggal di kawasan ladang ternakan.

Lebih malang, segala keterujaan menyambut rumah baharu kini bertukar menjadi tekanan berpanjangan apabila setiap ruang rumah termasuk dapur, bilik tidur dan ruang tamu menjadi 'port persinggahan' ratusan lalat.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI yang bertemu dengan wakil penduduk Taman Perdana, Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat bagi menyingkap masalah yang dihadapi sejak penghujung tahun lalu.

BATU KAWAN

LEBIH 120 keluarga yang menetap di Taman Perdana, Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat dekat sini merayu agar pihak berkuasa segera mengambil tindakan tegas terhadap dua buah reban unggas berhampiran kawasan perumahan mereka yang dipercayai menjadi punca serangan lalat luar biasa sejak setahun lalu.

Masalah tersebut mula menghantui penduduk sejak Oktober tahun lalu se-jurus mereka menerima kunci rumah dan mula mendiami kediaman masing-masing. Sehingga kini, masalah lalat yang berterusan itu bukan sahaja mencetuskan ketidakselesaan, malah turut menjejaskan kualiti hidup dan kesihatan mereka.

Wakil penduduk, N Vijay, 31, berkata, kehadiran lalat amat mengganggu ter-utama ketika mereka hendak menyedia-kan makanan, mengeluarkan barangan daripada peti sejuk dan semasa memasak.

Penduduk tertekan angkara serangan lalat



Vijay menunjukkan reban unggas yang terletak berdekatan dengan taman perumahannya.



Kehadiran lalat yang banyak mengganggu penduduk Taman Perdana, Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat.

"Setiap kali hendak masak atau makan, kami terpaksa bertarung dengan lalat. Belum sempat makanan dihidang, lalat sudah menghurung.

"Semua penduduk rasa seperti hidup di tepi tong sampah kerana kehadiran lalat yang sangat banyak. Kami juga bimbang anak-anak jatuh sakit kerana tahap kebersihan yang terjejas," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Kata anak jati Batu Kawan itu, lorong paling terkesan adalah Lorong 24 dan 26 kerana terletak berdekatan dengan kedua-dua reban unggas berkenaan.

"Dua lorong ini paling dekat dengan reban iaitu kira-kira 100 meter. Mereka paling tertekan dengan jumlah lalat yang sangat banyak.

"Selain taman perumahan kami, ada sebuah flat lagi dekat dengan reban tetapi saya tidak pasti mereka hadapi masalah yang sama atau tidak. Setakat ini, kami tak pernah dengar rungutan mereka," katanya.

Jurutera itu berkata, kesemua penduduk tidak mengetahui masalah tersebut

sebelum membeli rumah di taman berkenaan.

"Penduduk setiap hari mengalami tekanan akibat masalah lalat ini dan merungut di dalam grup WhatsApp.

"Ini menyebabkan ada antara penduduk yang belum masuk ke rumah baharu berfikir dua kali untuk menetap di sini, malah ada yang berhasrat menjual rumah walaupun belum sempat diduduki.

"Saya sendiri pernah pertimbangkan nak jual rumah ini sebab tak tahan dengan gangguan lalat. Beli rumah dengan harga mahal, tapi tidak dapat hidup selesa, buat apa kan?" katanya.

Menurut Vijay, penduduk sudah beberapa kali mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa sejak tahun lalu.

"Tindakan termasuk pemeriksaan dan kompaun sebanyak RM15,000 telah dikenakan terhadap pengusaha reban oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang namun masalah masih berterusan.

"Selain itu, operasi semburan kabus turut dijalankan beberapa kali, namun kesannya hanya sementara apabila lalat

kembali menyerang pada keesokan hari," katanya.

Beliau menambah, siasatan bersama Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati kadar kehadiran lalat di taman berkenaan berada pada tahap tinggi.

"Kami tidak pasti sama ada reban tersebut beroperasi secara sah atau tidak namun apa yang penduduk mahu adalah pihak berkuasa lebih tegas dalam memastikan pengusaha mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kami tidak bantah reban itu beroperasi, tapi biarlah ikut SOP. Tetapi sebolehnya, kami mahu reban unggas tersebut mengubah lokasi operasi ke satu lokasi yang lebih jauh dan tidak berdekatan dengan perumahan.

"Kami sebagai pemilik rumah juga berhak untuk hidup dalam persekitaran bersih dan selesa. Penduduk berharap isu ini mendapat perhatian serius pihak berkuasa tempatan agar penyelesaian jangka panjang dapat dicapai demi kesejahteraan komuniti setempat," tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Ladang ternakan unggas beroperasi tanpa lesen sah - Exco

BATU KAWAN - Dua buah ladang ternakan unggas di Jalan Bukit Tambun di sini dikenal pasti sebagai punca aduan kacau ganggu lalat yang menjejaskan kehidupan penduduk sekitar Taman Perdana, Simpang Ampat.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, laporan pemeriksaan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang mendapati kedua-dua ladang yang didaftarkan atas nama sebuah syarikat itu beroperasi tanpa lesen sah pada tahun 2025.

"Pemeriksaan yang dijalankan pada jam 11 pagi, 16 April lalu oleh sepasukan pegawai jabatan yang diketuai Dr Nurhayati Ramli mengesahkan bahawa

tiada aktiviti penternakan dijalankan ketika pemeriksaan dilakukan.

"Menurut laporan tersebut, ladang di Lot 864, Jalan Bukit Tambun yang beroperasi secara reban tertutup, telah diarahkan untuk menghentikan operasi penternakan oleh jabatan berkenaan sejak bulan lalu. Ladang tersebut terletak berhampiran kawasan flat bersebelahan Taman Perdana.

"Sementara ladang kedua di Lot 3588 yang beroperasi secara reban terbuka juga didapati tidak beroperasi dan telah dihentikan sepenuhnya sejak awal tahun ini. Jabatan turut menyatakan ba-



FAHMI

hawa mereka tidak membenarkan sebarang aktiviti penternakan dijalankan di ladang terbabit," katanya.

Menurut beliau, kedua-dua ladang juga pernah dilesenkan pada 2024 namun telah menerima banyak aduan daripada penduduk setempat berikutan masalah lalat yang serius.

"Sebagai langkah penguatkuasaan, ladang di Lot 864 telah dikenakan kompaun sebanyak RM15,000 manakala ladang di Lot 3588 pula dikenakan kompaun RM7,500 pada tahun lalu. Difahamkan, kedua-dua kompaun telah dijelaskan oleh

pihak pengusaha.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan dua premis tersebut masih berada dalam pemantauan susulan status lesen yang digantung dan kemungkinan untuk menimbang semula kelulusan lesen akan berdasarkan perkembangan semasa," ujarnya.

Fahmi berkata, masalah lalat yang berpunca daripada ladang ternakan menjadi isu berulang di kawasan itu dan menimbulkan ketidakselesaan penduduk serta menjejaskan persekitaran.

"Jabatan turut menyeru orang ramai agar terus menyalurkan maklumat jika terdapat aktiviti penternakan haram atau pencemaran alam sekitar yang mengganggu ketenteraman awam," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

Kerajaan sudah lulus RM1b untuk tingkat pengeluaran padi di Kedah

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi mengulangi kerajaan Persekutuan sudah meluluskan RM1 bilion sebagai insentif melaksanakan program meningkatkan pengeluaran padi di Kedah.

Perdana Menteri berkata, peruntukan itu disalurkan secara berterusan.

“(Kita sudah berikan) RM1 bilion. ‘RM1 bilion on going’ (berterusan),” katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri 2025 Kementerian Kesi-

hatan (KKM) di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor bahawa Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

Muhammad Sanusi dilaporkan berkata, pihaknya juga menolak cadangan dibuat Jabatan Peran-

cangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia), iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun kepada Kedah melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN).

Februari lalu, Perdana Menteri dilaporkan berkata, peruntukan sebanyak RM1 bilion diluluskan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif melaksanakan program meningkat pengeluaran padi di negeri Kedah.

“Usaha kita untuk meningkatkan produktiviti. Kita telah luluskan RM1 bilion untuk MADA ini yang kita akan luncurkan (program berkenaan pada) akhir bulan ini Insya-Allah.

“Ia supaya kawasan sawah yang ada penambahan RM1 bilion itu boleh menjamin penambahan produktiviti.

“Sekurang-kurangnya usaha itu dapat memenuhi daripada sekitar 56 peratus keperluan tempatan sekarang kepada 70 peratus,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	3

PM confirms RM1b funding to boost Kedah padi production

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday reiterated that the government has approved RM1 billion for the implementation of a programme to boost padi production in Kedah.

He said the allocation would be disbursed in stages.

"We've allocated RM1 billion," he said at the Health Ministry's Hari Raya Aidilfitri celebration here.

He said this in response to a statement by Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor that the state would continue to demand RM200 million

annually from the federal government as a special incentive for maintaining padi cultivation areas to ensure the country's rice supply.

Sanusi was also reported to have rejected a proposal by the Town and Country Planning Department on an annual payment

of RM41 million to Kedah under the National Food Resources Land Usage Master Plan.

In February, Anwar announced that RM1 billion had been approved for the Muda Agricultural Development Authority as an incentive to implement a programme to boost rice production

in Kedah.

"The additional RM1 billion is expected to ensure increased productivity and at least meet local demand from 56 per cent to 70 per cent," he said during the Prime Minister's Question Time session in the Dewan Rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Kerajaan sudah lulus RM1 bilion untuk jelapang padi Kedah - PM

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi mengulangi bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi merancakkan produktiviti padi di Kedah.

"Kita bagi RM1 bilion dan ia adalah berterusan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah pada Isnin berhubung tuntutan bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padinya.

Peruntukan itu sebelum ini di-

umum oleh Anwar dalam Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat pada 18 Oktober tahun lepas bagi membangunkan infrastruktur untuk menyokong projek penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun secara berfasa di Kawasan Muda, Kedah yang dilancarkan beliau pada 27 Februari lepas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Putrajaya sudah beri RM1 bilion, Kedah dakwa 'hilang' RM1.7 bilion

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Isu insentif khas bagi mengekalkan Jelapang Padi di Kedah terus menimbulkan pertikaian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri Kedah.

Ia susulan kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md.Nor kelmarin bahawa Kedah akan terus menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada Kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi sekali gus menjamin bekalan beras negara.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Putrajaya sudah beri RM1 bilion, Kedah dakwa 'hilang' RM1.7 bilion

Dari muka 1

Dalam reaksinya, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi bahawa kerajaan sudah meluluskan RM1 bilion untuk bantu sektor padi di Kedah.

Perdana Menteri berkata, peruntukan tersebut diberi secara berterusan termasuk sebagai insentif khas untuk negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

"Kita sudah beri RM1 bilion secara berterusan," katanya ringkas ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Bagaimanapun, Muhammad Sanusi ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Alor Setar, Kedah, semalam memaklumkan, negeri itu kehilangan kira-kira RM1.7 bilion setahun cukai berstatus komersial disebabkan kira-kira 220,000 hektar tanah

di negeri ini masih dikekalkan untuk penanaman padi sejak puluhan tahun lalu.

Beliau berkata, secara rasional pengorbanan besar itu sepatutnya dihargai oleh kerajaan Persekutuan dengan memberi insentif khas yang hanya berjumlah RM200 juta setahun.

Menurut beliau, keluasan 220,000 hektar itu hanya memberikan pulangan RM2.6 juta setahun untuk kutipan cukai tanah pertanian berbanding pendapatan sama yang hanya memerlukan keluasan 10 hektar sekiranya tanah itu berstatus industri.

"Tanah bersyarat padi paling rendah nilai cukai tanah iaitu hanya RM2.6 juta untuk keluasan 220,000 hektar. Kalau diubah keseluruhan tanah padi itu kepada komersial, Kedah boleh dapat RM1.7 bilion cukai tanah setahun.

"Itu kehilangan kita tanggung selama berpuluh tahun, pengorbanan ini disebabkan

kita tanggung kos melepasi. Ini kiraan ringkas yang rasional saya hurai untuk Kerajaan Persekutuan fahami mengapa kita terus minta RM200 juta tanpa henti," katanya.

Kelmarin semasa Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Muhammad Sanusi memaklumkan, Kedah menolak cadangan yang dibuat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia) iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN).

Katanya, jumlah itu dilihat terlalu rendah berbanding kehilangan hasil yang Kedah korbankan untuk mengekalkan kawasan tanaman padi dan hutan untuk sumber bekalan air.

Tambahnya, Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada Kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu.

Pada 4 Februari lalu, Anwar mengumumkan kerajaan meluluskan RM1 bilion untuk disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif untuk merancakkan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Jumlah itu adalah sebahagian daripada peruntukan RM5.376 bilion bagi meningkatkan produktiviti hasil padi negara termasuk membangunkan infrastruktur menyokong penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di Kawasan MADA.

Projek itu akan dibangunkan secara berfasa dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion bermula tahun ini, seperti yang diumumkan pada Belanjawan Madani tahun lalu.

Antara cadangan utama bagi pembangunan projek itu ialah membangunkan prasarana pengairan, termasuk menaik taraf sistem tali air dan Empangan Pedu yang mempunyai kepentingan besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	KOSMO	NEGARA	7

RM1 bilion untuk insentif padi

- PM luluskan pemberian itu untuk kekalkan Kedah jelapang padi negara
- Ia boleh merencanakan produktiviti pengeluaran padi

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sudah meluluskan RM1 bilion untuk merencanakan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Menurut Perdana Menteri, peruntukan tersebut diberikan secara berterusan termasuk sebagai insentif khas untuk negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

"Kita sudah beri RM1 bilion secara berterusan," katanya ringkas ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Putrajaya semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor bahawa Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan be-



ANWAR menghadiri majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Putrajaya semalam.

ras negara.

Muhammad Sanusi dipetik sebagai berkata, pihaknya juga menolak cadangan yang dibuat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia) iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara

(KAGUMN).

Katanya, jumlah itu dilihat terlalu rendah berbanding kehilangan hasil yang dikorbankan untuk mengekalkan kawasan tanaman padi dan hutan untuk sumber bekalan air.

Pada 4 Februari lalu, Anwar mengumumkan kerajaan meluluskan RM1 bilion untuk disalur-

kan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif untuk merencanakan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Menurut Anwar, program peningkatan produktiviti itu akan dilancarkan pada akhir bulan bagi menjamin penambahan produktiviti sawah yang ada.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Permintaan santan kurang 30 peratus

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamania.com.my

KUALA TERENGGANU: Permintaan terhadap santan segar di sekitar daerah ini berkurangan 30 peratus akibat kenaikan harga yang mendadak selepas berakhirnya Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri 2025, baru-baru ini.

Peniaga mendakwa, mereka terpaksa menjual santan segar dengan harga RM20 untuk satu kilogram (kg) berbanding harga kawalan RM17.50 sepanjang skim kawalan harga tersebut dilaksanakan.

Peniaga santan segar di Pasar Chabang Tiga, Suzlan Abd Wahab, 37, berkata, sepanjang skim tersebut dikuatkuasa, dia membeli sebiji kelapa pada harga RM3.50 dan mampu menjual santan segar pada harga RM17.50 sekilogram seperti ditetapkan kerajaan.

"Tetapi sekarang harga sebiji kelapa naik RM3.70 menyebabkan peniaga terpaksa menjual santan segar dengan harga RM20 sekilogram.

"Secara purata saya jual seki-



PERMINTAAN santan segar berkurangan 30 peratus sejak harga meningkat kepada RM20 sekilogram di Kuala Terengganu. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

tar 300 hingga 400 biji kelapa sahaja setiap hari berbanding 550 hingga 600 biji sehari kerana permintaan sudah berkurangan," katanya di sini, semalam. Seorang lagi peniaga san-

tan segar, Abdullah Ibrahim, 43, berkata, pembelian santan bertumpu kepada peniaga makanan tradisional yang banyak menggunakan bahan itu dalam jualan mereka.

"Ramai pelanggan mengakui mereka terpaksa mengehadkan penggunaan santan segar dalam menu harian mereka kerana harganya terlalu mahal ketika ini.

"Kita berharap kerajaan ambil tindakan segera dalam isu bekalan kelapa ini kerana kenaikan mendadak sangat membekalkan pengguna," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Muhammad Fadlee Hassan berkata, pihaknya sentiasa memantau bekalan kelapa di Terengganu dan menjangkakan bekalannya kembali pulih selepas berakhirnya Syawal.

"Bekalan kelapa agak stabil dan jika berlaku kekurangan FAMA akan meningkatkan bekalan di tempat yang berkurangan selain menambah bekalan di outlet FAMA seluruh Terengganu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

Cari varieti benih padi di luar negara

Alor Setar: Kerajaan negeri sedang meneliti beberapa varieti benih padi baharu termasuk yang ditanam di luar negara bagi melihat kesesuaiannya ditanam pesawah tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani berkata, beberapa varieti sudah dikenal pasti memiliki kelebihan tersendiri berbanding benih padi sedia ada dengan kajian lanjut sedang dilakukan.

Katanya, langkah mendapatkan varieti baharu itu adalah usaha kerajaan negeri menghasilkan benih padi sendiri bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan luar.

"Kami sudah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kajian Pertanian Organik Terpadu (PKPOT) di Malang, Indonesia. Dua varieti, iaitu HMS700 dan HMS70D dikenal pasti untuk kajian lanjut bagi menilai kesesuaiannya ditanam di negeri ini.

"Langkah memperkenalkan



PEMANDANGAN sawah padi menghijau berlalari belakang Gunung Jerai di Kampung Alor Gelanggang, Yan, Kedah.

kan benih padi baharu ini penting bagi memaksimumkan pengeluaran hasil padi oleh pesawah pada masa hadapan," katanya ketika menjawab soalan **Muhamad Amri Wahab (PN-Derga)** pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.

Muhamad Amri bertanyakan mengenai perkembangan pelan pengeluaran benih padi negeri itu.

Pada November lalu, Kedah mengumumkan has-

rat untuk menjadi negeri pengeluar benih padi bagi menangani isu kekurangan dan kelewatan bekalan benih yang sering membelenggu pesawah.

Mengulas lanjut, Dzowahir berkata kerajaan negeri turut bekerjasama dengan Agensi Nuklear Kebangsaan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam usaha menghasilkan varieti benih baharu berdasarkan benih sedia ada.

"Kajian dilaksanakan di tapak benih seluas 20.5 hektar di Kampung Sungai Mati, Tobiar, Pendang. Tapak ini dikendalikan syarikat swasta yang bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri bagi menjadikan kawasan itu sebagai pusat pengeluaran benih padi pertama," katanya.

Beliau berkata, beberapa kawasan baharu dikenal pasti tapak penanaman benih termasuk tanah terbiar di Tualang, Pokok Sena.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

Perak tidak beri kelulusan buka ladang babi baharu

Ipoh: Kerajaan Perak tidak meluluskan sebarang pembukaan ladang babi baharu di kawasan dikenali pasti sebagai kawasan majoriti penduduk Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri A Sivanesan berkata, sebahagian besar ladang-ladang yang wujud pada hari ini, adalah warisan operasi sejak beberapa dekad lalu.

Beliau berkata, ladang-ladang berkenaan terletak di atas tanah milik persendirian serta beroperasi sebelum pewartaan garis panduan atau dasar penternakan moden diperkenalkan.

“Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Ladang-Ladang Khinzir di Negeri Perak, saya dengan kerjasa-

ma Jabatan Veterinar, Jabatan Kesihatan, Majlis Daerah, Pejabat Tanah Daerah dan rakan strategik sudah bertindak lebih agresif.

“Data terkini menunjukkan kejayaan ketara pengurangan ladang khinzir daripada 115 pada hujung tahun 2022 kepada 85 ladang pada masa kini.

“Sebanyak 30 ladang khinzir ditutup di Negeri Perak hasil penguatkuasaan undang-undang, wabak penyakit yang melanda babi domestik, isu berkaitan pemilikan serta penggunaan tanah. Sebanyak 30 ladang ini ditutup sepenuhnya dan tidak lagi dibenarkan beroperasi semula tanpa kompromi,” katanya pada sesi Penggulungan Perbahasan Titah Diraja pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Kedah kaji varieti baharu benih padi tingkat hasil

Langkah kurangkan kebergantungan terhadap bekalan luar

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan negeri meneliti beberapa varieti benih padi baharu, termasuk yang ditanam di luar negara bagi melihat kesesuaiannya ditanam pesawah tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani, berkata beberapa varieti yang sudah dikenal pasti memiliki kelebihan tersendiri berbanding benih padi sedia ada dengan kajian lanjut sedang dilakukan.

Beliau berkata, langkah mendapatkan varieti baharu itu adalah usaha kerajaan negeri menghasilkan benih padi sendiri bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan luar.

"Kami sudah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kajian Per-

tanian Organik Terpadu (PKPOT) di Malang, Indonesia, baru-baru ini. Dua varieti, iaitu HMS700 dan HMS70D dikenal pasti untuk kajian lanjut bagi menilai kesesuaiannya ditanam di negeri ini.

"Langkah memperkenalkan benih padi baharu ini amat penting bagi memaksimumkan pengeluaran hasil oleh pesawah pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Muhamad Amri Wahab (PN-Derga) mengenai perkembangan pelan pengeluaran benih padi negeri itu, pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, di sini semalam.

Pada November lalu, Kedah mengumumkan hasrat untuk

menjadi negeri pengeluar benih padi bagi menangani isu kekurangan dan kelewatan bekalan benih yang sering membelenggu pesawah.

Tapak penanaman benih

Mengulas lanjut, Dzowahir berkata, kerajaan negeri turut bekerjasama dengan Agensi Nuklear Kebangsaan dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam usaha menghasilkan varieti benih baharu berdasarkan benih sedia ada.

"Kajian akan dilaksanakan di tapak benih seluas 20.5 hektar di Kampung Sungai Mati, Tobi, Pendang. Tapak ini dikendalikan sebuah syarikat swasta

yang bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri bagi menjadikan kawasan itu sebagai pusat pengeluaran benih padi pertama di Kedah.

"Selain itu, Malaysian NPK Fertilizer NAFAS turut menyalurkan input tambahan dalam pembaikan struktur tanah bagi memastikan benih padi yang dihasilkan berkualiti dan sesuai ditanam," katanya.

Beliau berkata, beberapa kawasan baharu turut dikenal pasti sebagai tapak penanaman benih, termasuk tanah terbiar di Tualang, Pokok Sena seluas 28.3 hektar, Kubang Sepat (288 hektar) dan Langkawi (28 hektar).

"Perbincangan bersama pengkaji benih padi tidak terhad dalam negara sahaja, pihak China Agriculture Technology Institute dari Chongqing juga menawarkan usaha sama untuk membawa masuk varieti benih padi hibrid yang dikatakan dapat meningkatkan hasil padi sehingga 19 tan per hektar.

"Varieti benih padi hibrid ini sudah digunakan secara meluas di negara pengeluar beras seperti India, Vietnam, Thailand dan Myanmar dan terbukti berkesan dalam meningkatkan hasil," katanya.

Selain itu, Malaysian NPK Fertilizer NAFAS turut menyalurkan input tambahan dalam pembaikan struktur tanah bagi memastikan benih padi yang dihasilkan berkualiti dan sesuai ditanam




Dzowahir Ab Ghani,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
Perlindungan dan Pengangkutan Kedah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	STAR	EVENTS	9

STARMETRO, WEDNESDAY 23 APRIL 2025

EVENTS 7



Mohd Naufall has been planting sweet corn over 6ha since 2007.



Muhammad Hazim with sweet corn grown at Titi Gantong. — Photos: Bernama

PERAK has emerged as Malaysia's top sweet corn producer for two consecutive years, with a production of 17,716 tonnes in 2023, says state Agriculture Department director Norsiyenti Othman.

The Kinta district was the state's biggest producer with 7,056.87 tonnes harvested from 700.18ha followed by Kampar with 7,535.84 tonnes (584.17ha) and Kuala Kangsar with 1,416.61 tonnes (153.96ha), she said.

"Perak has been a major sweet corn producer since 2012. We were number one in 2023 and 2024, followed by Johor and Sarawak."

"The majority of our produce is sent to Cameron Highlands, Terengganu, Kelantan and the Klang Valley," she told Bernama.

The 111.6ha Titi Gantong Food Production Permanent Park (TKPM) produced 1,001.63 tonnes worth RM1.8mil, according to Norsiyenti.

Silver state's sweet success

Perak top corn producer for last two years, says Agriculture Dept

ding to Norsiyenti.

Its 13 participants also cultivate other crops such as vegetables and honeydew melons, generating an average monthly income of RM5,132.

She said the sweet corn industry had developed extensively with research and development promoting the development of downstream products.

"It's time Perak created sweet corn-based downstream products such as crisps, flakes, cordials, cakes and *kuih*, as well as dry goods," added Norsiyenti.

TKPM manager Muhammad Hazim Zainal said the programme allocated 80ha for the planting of sweet corn, in addition to growing lemongrass, honeydew melon and other vegetables.

"Participants who apply to the Perak Agriculture Department will be given land of different sizes to cultivate at a monthly rental rate of RM150 per hectare."

"The production of sweet corn is scheduled to fulfil market demands."

"Every week, about 2ha to 3ha is harvested," he said, adding that hybrid sweet corn was planted to obtain the

best quality.

Perak Agriculture Department, he said, had technical expertise in crops, plant biosecurity, pesticides and pest control.

Its officers conduct quarterly visits each year to ensure the produce met market demand, according to Muhammad Hazim.

Participant Mohd Naufall Mustafa, 44, who has been planting sweet corn since 2007 over 6ha, said he used various high-quality seeds, including GWG G907, GE 1603 and 1606, to obtain quality yields.

"More than 15,000 corn plants can be planted over 1ha, using 10 bags of 5kg seedlings over 100 beds."

"There are three seasons a year, with each season lasting between 70 and 75 days."

"Normally, we have about 21,000 stalks per harvest and we sell it wholesale for about 140 stalks per sack at RM75."

"Corn requires hot weather but it's not good if it's too hot as it will impact the quality."

"Grade A weighs 350g and above, Grade B between 300g and 350g while Grade C is under 300g," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Persatuan mahu tindakan tegas dikenakan kepada penjual 'patin klon'

TEMERLOH - Persatuan Pengusaha Pelancongan Daerah Temerloh mahu tindakan tegas dikenakan terhadap segelintir individu yang menjual 'patin klon' untuk menjaga kualiti ikan tersebut di pasaran.

Pengerusinya, Abdullah Ahmad berkata, tindakan penguatkuasaan paling tegas perlu diambil, termasuk menyenarai hitam mereka yang terlibat demi menjaga nama baik Temerloh yang terkenal dengan gelaran bandar ikan patin.

Menurutnya, apa yang berlaku ketika ini seperti kata pepatah 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga'.

"Tindakan mereka ini akan menjejaskan semua kerana ia akan merosakkan imej pelancongan bukan hanya industri patin.

"Persatuan berharap pihak berwajib mengenal pasti mereka yang terlibat dan terus menyenarai hitam dengan kaedah yang sesuai kerana bukan ramai yang buat, cuma segelintir.

"Akibat tindakan mereka

yang tidak bertanggungjawab ini akhirnya menyebabkan ramai orang terjejas," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau mengulas titah Ke bawah Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kepada pengusaha ikan sangkar di daerah ini yang terkenal sebagai 'lubuk' patin gulai tempoyak.



ABDULLAH

Baginda menzahirkan kebimbangan susulan dakwaan terdapat segelintir pengusaha yang membawa masuk ikan patin dari luar termasuk patin kolam untuk dijual di Temerloh sehingga boleh menjejaskan reputasi daerah ini sebagai pusat utama hidangan patin tulen.

Baginda bertitah sedemikian selepas berkenan bercemar duli berangkat bersama Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanah Alam Shah di Karnival Patin dan Sukan Rakyat di Dataran Temerloh sempena



Patin Temerloh terkenal di seluruh negara kerana keenakan rasanya, terutama apabila dijadikan gulai patin masak tempoyak.

Kembara Pahang 1.0 di daerah ini pada Isnin.

Titah baginda, usaha persijilan kepada pengusaha ikan patin sangkar di Temerloh bagi mengatasi isu klon spesies tersebut dari luar daerah, dialu-alukan untuk memastikan keaslian ikan yang dijual kepada penggemarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	HARIAN METRO	KUBELA	33

SI BULUS PERLU VAKSIN

Selain tingkat tahap imuniti, ia bantu kucing kurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa maut



KUCING juga perlu vaksin untuk membantu melawan serangan penyakit. *GombakHutan*

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilius
asmaini@mediaprom.com.my

Sama seperti manusia, kucing juga memerlukan vaksin untuk membantu melawan serangan penyakit pada masa akan datang.

Tidak kira ia dipelihara di dalam atau di luar rumah, vaksin membantu kucing mengurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa kepada kematian.

Ini kerana vaksin membantu meningkatkan tahap imuniti badan kucing khususnya selepas ia berhenti menyusu.

Selain itu, vaksin juga melindungi pemilik daripada dijangkiti penyakit seperti rabies (anjing gila).

Justeru, melakukan langkah pencegahan dengan memberi vaksin kepada kucing sejak awal lagi sekurang-kurangnya mampu mengurangkan risiko jangkitan penyakit berkenaan.

Pemberian vaksin

VAKSIN membantu kucing mengurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa kepada kematian. *GombakHutan*



kepada kucing kesayangan terbahagi dua kategori iaitu vaksin asas dan bukan asas.

Vaksin asas adalah vaksin yang disarankan bagi semua kucing untuk melindungi daripada penyakit berbahaya dan boleh membawa maut.

Ada empat jenis vaksin kucing dalam kategori ini iaitu Feline Panleucopenia (FPL), Feline Calicivirus (FCV), Feline Viral Rhinotracheitis (FVR) dan

Rabies.

FPL adalah vaksin popular bagi mencegah virus parvo manakala FCV pula bagi mencegah penyakit berkaitan saluran pernafasan kucing.

FVR pula vaksin untuk mencegah penyakit kucing yang berjangkit melalui air liur, mata atau hidung dan Rabies bagi mengatasi jangkitan penyakit yang diketahui boleh menjangkiti manusia.

Ia boleh tersebar dengan gigitan oleh kucing yang dijangkiti virus itu atau luka terbuka yang terkena air liur kucing yang dijangkiti virus berkenaan.

Bagi vaksin bukan asas pula, ada beberapa jenis vaksin lain yang digalakkan untuk diberi kepada si bulus kesayangan anda iaitu Feline Leukemia Virus (FeLV), Chlamydia felis dan Bordetella. Vaksin FeLV

umpamanya penting untuk kucing yang keluar rumah atau bercampur dengan kucing lain.

Manakala vaksin Bordetella disarankan untuk kucing yang berada di tempat perlindungan atau pusat jagaan dan vaksin Chlamydia felis pula dikatakan membantu melawan sejenis bakteria yang menyebabkan konjunktivitis pada kucing serta jangkitan saluran

pernafasan atas.

Dari segi umur pula, usia yang sesuai bagi si bulus mendapat vaksin pertama ialah ketika berumur dua bulan dan berlanjutan sehingga usianya empat bulan.

Apabila mencapai umur dewasa (setahun), si bulus anda masih perlu diberikan vaksin secara tahunan atau setiap tiga tahun sekali.

Sementara itu, ada beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebelum memberikan si bulus anda vaksin bagi mengelakkan sebarang masalah dan komplikasi kesihatan.

Antaranya, kucing anda perlu berumur dua bulan ke atas, dalam keadaan sihat dan tidak demam ketika mengambil suntikan serta mempunyai berat badan mencukupi.

Apa pun, jangan lupa dapatkan nasihat veterinar mengenai pilihan vaksin terbaik yang boleh diberikan kepada si bulus anda demi kesihatan dan kesejahteraan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Raih RM16,500 sebulan hasil ternak madu kelulut

ALOR GAJAH: Ternakan kelulut telah menjadi satu industri yang kian popular kerana madu dihasilkan dianggap sebagai produk premium dengan harga jualan mampu mencapai antara RM250 hingga RM700.

Melihat permintaan tinggi, Koperasi Keluarga Sharief Melaka Berhad (KOP-HAS) mengorak langkah menguskannya secara besar-besaran.

Setiausaha KOP-HAS, Mohd. Zamri Sharief berkata, mereka bermula dengan lima sarang pada November 2023 selepas menimba ilmu daripada pengusaha berjaya di Kemengkang, Cohong dan Felda Bukit Senggeh, selain menjalani kursus Jabatan Pertanian dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Katanya, atas usaha gigih ahli koperasi yang terdiri daripada ahli keluarga, kini pihaknya mempunyai sebanyak 117 sarang yang mampu menghasilkan pendapatan kira-kira RM16,500 sebulan.

"Koperasi kita sebelum ini mengusahakan ternakan ayam kampung kacuk tetapi melihat permintaan tinggi terhadap madu kelulut kami sepakat untuk menternak lebah kelu-

lut di sekitar kawasan ini di Kampung Gubah, Nyalas.

"Alhamdulillah bermula dengan hanya lima sarang akhirnya kami berjaya mempunyai sebanyak 117 sarang daripada tiga jenis lebah kelulut iaitu *geniotrigona thoracica*, *heterotrigona itama* dan *tetrigona binghami*.

"Saya melihat pembangunan industri ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu khususnya dalam penyelenggaraan koloni kelulut, pengeluaran madu dan pengurusan perniagaan madu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Gubah.

Katanya, KOP-HAS turut menanam 180 pokok sekitar sarang untuk makanan lebah kelulut seperti akasia, air mata pengantin, belimbing madu, senduduk putih dan senduduk biru.

Menurutnya, setiap bulan madu kelulut dihasilkan sekitar 66 liter dan dijual dengan harga RM50 untuk sebotol bersaiz 200 mililiter (ml).

"Buat masa ini, ia tidak komersialkan jualan madu tetapi lebih kepada jualan secara peribadi dan permintaan beberapa koperasi di negeri ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Rezeki kais remis luar musim

SETIU: Bermula daripada mengisi masa lapang, seorang warga emas dari Kampung Bari di sini, kini menjana pendapatan pendapatan sampingan hasil menjual kerang remis di luar musim atau selepas musim tengkujuh.


Lazimnya musim remis adalah dari November hingga Februari iaitu ketika musim tengkujuh, tetapi tahun ini meskipun telah memasuki April ia masih terdapat di sepanjang pesisir Pantai Mangkuk ke Pantai Bari.

Wan Yusoff Abd. Arip, 60, berkata, aktiviti mencari remis dilakukan sejak lima tahun lepas ketika waktu lapang dan dijual dari rumah ke rumah atau di Pasar Rhu 10.

“Ketika ombak besar atau air pasang, remis dihanyutkan dan dibawa naik ke pesisir pantai yang mana ia mampu mencecah sehingga 20 hingga 30 kilogram sehari,” katanya ketika ditemui di Pantai Penarik di sini.

Menurut Wan Yusoff, dia menggunakan pengais yang dibuat khas untuk mencari remis dan merupakan aktiviti tahunan dilakukannya bagi mencari sumber pendapatan sampingan.

“Saya menggunakan pengais ditempah khas dengan saiz jaring tertentu bagi memastikan hanya remis bersaiz besar kekal di dalam jaring. Ini untuk memastikan remis kecil dapat membesar dan membi-



WAN Yusoff Abd. Arip menunjukkan remis yang dicarinya di pesisir Pantai Penarik, Setiu, Terengganu.

ak agar tidak pupus,” katanya.

Bapa kepada tujuh cahaya mata itu berkata, setiap hari dia menyusuri pesisir pantai kira-kira tiga hingga lima kilometer (KM) untuk mencari remis.

Menurutnya, remis tersebut dijual pada harga RM10 bagi 800 gram dan dibungkus siap bersama air masin (air laut) yang mana dia mampu meraih sehingga RM300 untuk seminggu.

“Remis ini mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan dan ia perlu direndam terlebih dahulu di dalam air masin selama beberapa jam sebelum dimasak agar pasir di dalamnya dapat dikeluarkan.

“Remis sedap dimasak pelbagai hidangan termasuk gulai kuning, goreng berlada mahupun dijadikan sebagai remis jeruk,” katanya.